

14 FEB 1998

Mahathir-Komposit

PROJEK PEMBUATAN KOMPOSIT M'SIA AKAN BERJAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Penerokaan Malaysia dalam bidang pengeluaran alat pesawat komersil komposit bertaraf dunia tidak akan tergugat oleh kegawatan ekonomi di rantau ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya oleh kerana masalah ekonomi serantau tidak akan berpanjangan, maka masa depan usaha pembuatan komposit itu sebagai pelaburan jangka panjang tidak seharusnya dipersoalkan lagi.

Dr Mahathir berkata demikian pada persidangan berita di sini selepas menyaksikan pemeteraian perjanjian usaha sama antara Sime Darby Berhad, Malaysia Helicopters Services Bhd (MHS), Boeing dan Hexcel Corporation untuk mendirikan kilang pengeluaran peralatan komposit di Taman Perindustrian Bukit Kayu Hitam di Kedah.

"Kami yakin perniagaan yang bersifat jangka panjang akan akhirnya mendapati ia bukan sahaja mampu bertahan tetapi mencapai kejayaan.

"Ini adalah pelaburan untuk masa depan yang akan memakan masa membinanya... kilang, kemahiran dan lain-lainnya...Ketika itu kami berharap jerebu yang melanda dunia kewangan serta jerebu yang lain akan lenyap," katanya.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Boeing menyatakan bahawa berdasarkan ekonomi semasa dan ramalam pasaran, syarikat itu serta Hexcel tidak menduga sebarang pemberhentian kerja hasil daripada usahasama ini.

Pengerusi Boeing dan ketua pegawai eksekutif, Phil Condit yang menandatangani bagi pihak Boeing di majlis itu berkata bahawa projek itu bukannya merupakan program pertukaran tetapi satu pelaburan jangka panjang Boeing.

Beliau melihat banyak peluang untuk syarikat usahasama itu kerana bagi Boeing sendiri, ia mengeluarkan purata 43 pesawat sebulan.

Mengikut perjanjian berkenaan, keempat-empat rakan kongsi akan memegang ekuiti sama rata dalam kilang itu menerusi syarikat usahasama, Asian Composites Manufacturing Sdn Bhd.

Alat atau barangan komposit yang dihasilkan Asian Composites Manufacturing akan dibekalkan kepada kilang Hexcel di Kent, Washington untuk pemasangan peringkat akhir dan dihantar ke Boeing serta pelanggan-pelanggan lain di serata dunia pada masa depan.

Boeing adalah pengguna bahan komposit terbesar di dunia manakala Hexcel pengeluar terbesar di dunia bahan komposit maju.

Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli, yang turut menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian itu berkata pembinaan kilang terbabit yang menelan belanja RM153 juta akan dimulakan pada April tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh 22 bulan.

Beliau berkata kilang itu akan menggunakan seramai 270 rakyat Malaysia sebagai kakitangan secara langsung dan 78 yang lain sebagai pekerja tidak langsung.

Condit pula berkata beliau yakin Asia mampu mengatasi krisis ekonomi sekarang tetapi menjangkakan sesetengah syarikat penerbangan akan membuat penyesuaian, lebih-lebih lagi dengan kejatuhan dalam bilangan penumpang.

Antaranya, syarikat pembuat pesawat dijangka menanggungkan penyerahan kira-kira 60 pesawat dalam tiga tahun akan datang, katanya. -- BERNAMA

AD MA RON